

THYMAZOLE TABLET

Carbimazole (5mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan THYMAZOLE
2. Bagaimana THYMAZOLE berfungsi
3. Sebelum menggunakan THYMAZOLE
4. Cara menggunakan THYMAZOLE
5. Semasa menggunakan THYMAZOLE
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan THYMAZOLE
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan THYMAZOLE

THYMAZOLE digunakan untuk merawat hipertiroid atau kelenjar tiroid terlampau aktif (satu keadaan yang mana kelenjar tiroid menghasilkan hormon tiroid yang berlebihan).

Bagaimana THYMAZOLE berfungsi

THYMAZOLE tergolong dalam satu kumpulan ubat yang dikenali sebagai agen antihipertiroid. Ubat ini berfungsi dengan menurunkan kadar penghasilan hormon tiroid.

Sebelum menggunakan THYMAZOLE

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil THYMAZOLE jika:

- Anda alah kepada THYMAZOLE atau sebarang bahan yang

disenaraikan di hujung risalah ini.

- Anda pernah mengalami kesan sampingan serius terhadap carbimazole
 - Anda mempunyai masalah salur udara tersumbat (bertambah teruk dengan pembesaran kelenjar tiroid)
 - Anda menyusu bayi atau bercadang untuk menyusukan bayi
- THYMAZOLE meresap ke dalam susu ibu. Doktor anda akan berbincang dengan anda tentang risiko dan manfaat menggunakan THYMAZOLE jika anda menyusu bayi.

- Sebelum menggunakan THYMAZOLE

Beritahu doktor anda jika:

- Anda hamil atau bercadang untuk hamil. Biasanya, THYMAZOLE tidak disyorkan penggunaannya di kalangan wanita hamil melainkan manfaat rawatan melebihi risiko pada bayi yang belum dilahirkan. Carbimazole boleh diberikan semasa mengandung tetapi dos berkesan yang paling kecil perlu digunakan dan rawatan perlu dihentikan tiga atau empat minggu sebelum bersalin.
- Anda mempunyai sel-sel darah putih rendah yang biasanya berlaku semasa bulan pertama
- Anda sedang dirawat dengan terapi iodin sebagai sebahagian daripada rawatan anda
- Anda alah kepada ubat lain, makanan, pewarna atau pengawet.

Sekiranya anda belum memberitahu doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara di atas, beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum anda mula mengambil THYMAZOLE.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Tiada laporan bahawa Carbimazole adalah tidak serasi dengan ubat lain atau makanan.

Cara menggunakan THYMAZOLE

- Berapa banyak harus digunakan

Ambil THYMAZOLE mengikut arahan doktor. Doktor anda akan beritahu berapa banyak pil THYMAZOLE yang anda harus ambil setiap hari.

Dos THYMAZOLE anda akan berubah dari semasa ke semasa mengikut keadaan anda.

Oleh itu, pastikan anda berjumpa dengan doktor anda mengikut temujanji supaya doktor boleh memeriksa keadaan anda.

Dos pertama:

Kes ringan – Jumlah dos harian ialah 20mg dalam dos berbahagi 3 untuk diambil setiap 8 jam.

Kes sederhana – Jumlah dos harian ialah 40mg dalam dos berbahagi 3 untuk diambil setiap 8 jam.

Kes serius – Jumlah dos harian ialah 40-60mg dalam dos berbahagi 3 untuk diambil setiap 8 jam.

Apabila simptom terkawal, dos patut dikurangkan. Biasanya antara 10 hingga 15mg sehari.

- Bila perlu digunakan

Ambil THYMAZOLE pada masa yang sama setiap hari.

Mengambil ubat pada masa yang sama setiap hari akan memberi kesan yang terbaik. Ia juga membantu anda mengingati masa untuk mengambil ubat.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil THYMAZOLE selagi diarahkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jika tidak, ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang tertinggal. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan yang tidak diingini.

Jika anda sukar mengingati masa untuk mengambil ubat anda, minta petua daripada ahli farmasi anda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil THYMAZOLE, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada sebarang tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Tanda-tanda dos berlebihan mungkin termasuk:

- sel-sel darah putih rendah, platelet darah rendah dan sel-sel darah merah rendah
- ruam kulit
- demam
- sakit tekak
- ulser mulut

Semasa menggunakan THYMAZOLE

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang mengambil THYMAZOLE

Beritahu doktor anda jika anda hamil semasa mengambil THYMAZOLE.

Jika anda perlu menjalani sebarang ujian makmal, beritahu doktor bahawa anda sedang mengambil THYMAZOLE.

Beritahu doktor anda jika, untuk sebarang sebab, anda tidak mengambil ubat anda sebagaimana yang diarahkan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan THYMAZOLE atau ubah dos tanpa berbincang dengan doktor anda terlebih dahulu.

Pastikan ubat anda adalah mencukupi pada hujung minggu atau cuti umum.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Jangan menggunakan THYMAZOLE untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan mengambil sebarang ubat lain tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda dahulu.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana THYMAZOLE mempengaruhi anda.

Walau bagaimanapun, THYMAZOLE tidak dijangka akan mempengaruhi keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan mesin.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mendapat sesetengah kesan sampingan.

Beritahu doktor anda sekiranya anda mengalami keadaan berikut dan ia membimbangkan anda:

- ruam kulit
- sakit sendi
- gatal – gatal
- gegata
- demam
- sakit tekak

Ini adalah kesan sampingan THYMAZOLE.

Beritahu doctor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adverse Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan THYMAZOLE

Penyimpanan

Simpan ubat di tempat dengan suhu di bawah 25°C. Lindunginya daripada cahaya.

Jangan simpan THYMAZOLE atau sebarang ubat dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jangan tinggalkannya dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan THYMAZOLE di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari berkunci yang sekurang-kurangnya satu setengah meter ke atas adalah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil THYMAZOLE atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Pulangkan sebarang ubat yang tidak digunakan kepada ahli farmasi anda.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

THYMAZOLE TABLET adalah pil berbentuk bulat, berdiameter 7mm, berwarna putih dengan tanda “*bintang*” dan “*DUO 861*”.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Carbimazole

Bahan tidak aktif:

- Aerosil
- Cornstarch
- Lactose
- Promigel
- Citric acid
- EDTA
- Magnesium stearate

Nombor MAL

MAL19950155AZ

Pengilang

Duopharma (M) Sdn. Bhd.
(42491-M)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,
41200 Klang,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Duopharma (M) Sdn. Bhd.
(42491-M)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,
41200 Klang, Selangor Darul
Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

20/04/2016

Nombor siri

BPFK(R4/1)200416/00118